

D.R. 3/98

Naskhah Sahih—Bahasa Kebangsaan

## RANG UNDANG-UNDANG

*bernama*

Suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Pelesenan  
Kenderaan Perdagangan 1987.

[ ]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG  
oleh Sen Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan  
nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat  
yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa  
daripadanya, seperti berikut:

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (Pindaan) 1998. Tajuk ringkas dan **mula** berkuat kuasa.

(2) Akta ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta* dan Menteri boleh menetapkan tarikh yang berlainan bagi permulaan kuat kuasa peruntukan yang berlainan dalam Akta ini.

2. Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987, yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 1 seksyen yang berikut: Pindaan seksyen 1. *Akta 334.*

"pemakaian. 1A. Akta ini tidaklah terpakai bagi apa-apa kenderaan perdagangan yang tertakluk kepada mana-mana undang-undang berhubung dengan pelancongan atau industri pelancongan."

## 3. Akta ibu adalah dipinda dalam seksyen 2—

(a) dengan memasukkan selepas takrif "barangan" takrif yang berikut:

' "bas" ertinya kenderaan perkhidmatan awam yang muatan duduknya tidak kurang daripada lapan orang (termasuk pemandu);';

(b) dengan menggantikan takrif "bas berhenti-henti" dengan takrif yang berikut:

' "bas berhenti-henti" ertinya bas yang berulang-alik sepanjang laluan yang dibenarkan oleh Lembaga untuk membawa penumpang pada suatu perkhidmatan yang mengandungi peringkat tambang, dengan tambang, jadual waktu dan jadual tambang yang berasingan bagi setiap peringkat tambang;';

(c) dengan menggantikan takrif "bas ekspres" dengan takrif yang berikut:

' "bas ekspres" ertinya bas yang berulang-alik sepanjang laluan yang dibenarkan oleh Lembaga, dengan jadual waktu dan jadual tambang, untuk membawa penumpang mengikut tambang berasingan pada suatu perkhidmatan yang tidak mengandungi peringkat tambang yang jaraknya kurang daripada tiga puluh dua kilometer;';

(d) dengan memotong takrif "bas kilang";

(e) dengan memasukkan selepas takrif "bas mini" takrif yang berikut:

' "bas pekerja" ertinya bas yang digunakan untuk membawa pekerja-pekerja dalam mana-mana industri ke dan dari tempat kerja mereka dan sebaliknya;

"bas pengantara" ertinya bas yang tidak mengandungi peringkat tambang yang digunakan untuk membawa penumpang pada

*Lembaga Pelesenan Kendaraan Perdagangan* 3  
(Pindaan)

suatu perjalanan pusingan mengikut tambang berasingan dari suatu pangkalan tetap dalam jarak yang lingkungannya tidak melebihi tujuh kilometer;';

(f) dengan memotong takrif "bas persiaran";

(g) dalam teks bahasa Inggeris, dalam takrif "hire car" dengan menggantikan perkataan "any" dengan perkataan "one";

(h) dengan memotong takrif "kendaraan pekerja";

(i) dalam takrif "kendaraan perkhidmatan awam" dengan memasukkan selepas perkataan "balasan lain" perkataan "yang berharga";

(j) dengan memasukkan selepas takrif "pangkalan" takrif yang berikut:

' "Pegawai Lembaga" ertinya pegawai yang dilantik di bawah seksyen 8A;';

(k) dengan menggantikan takrif "peringkat tambang" dengan takrif yang berikut:

' "peringkat tambang", berhubung dengan laluan yang dibenarkan dalam lesen kendaraan perkhidmatan awam, ertinya mana-mana bahagian laluan itu bagi maksud menyusun suatu jadual tambang;';

(l) dengan memasukkan selepas takrif "peringkat tambang" takrif yang berikut:

' "pihak berkuasa tempatan" hendaklah mempunyai erti yang sama seperti yang diberikan kepadanya dalam Akta Kerajaan Tempatan 1976;

*Akta 171.*

"Setiausaha Lembaga" ertinya Setiausaha Lembaga Pelesenan Kendaraan Perdagangan yang dilantik di bawah seksyen 4, 5 atau 6, mengikut mana-mana yang berkenaan;';

(m) dengan memasukkan selepas takrif "teksi" takrif yang berikut:

' "teksi lapangan terbang" ertinya kenderaan motor yang muatan duduknya tidak melebihi tujuh orang yang digunakan semata-mata untuk membawa orang ke dan dari lapangan terbang sebagai balasan bagi suatu bayaran dan dikendalikan dari suatu pangkalan tetap atau dalam suatu kawasan yang dibenarkan;';

(n) dengan menggantikan takrif "teksi mewah" dengan takrif yang berikut:

' "teksi mewah" ertinya kenderaan motor yang muatan duduknya tidak melebihi tujuh orang (termasuk pemandu) dan dikendalikan dari suatu pangkalan tetap atau dalam suatu kawasan yang dibenarkan sebagai balasan bagi satu bayaran;'; dan

(o) dengan memasukkan selepas takrif "teksi mewah" takrif yang berikut:

' "Timbalan Pengerusi" ertinya Timbalan Pengerusi Lembaga yang dilantik di bawah seksyen 4, 5 atau 6, mengikut mana-mana yang berkenaan;';

Pindaan  
seksyen 4.

4. Seksyen 4 Akta ibu adalah dipinda—

(a) dengan memasukkan selepas perenggan (a) perenggan yang berikut:

"(aa) Timbalan Pengerusi;";

(b) dalam perenggan (c) dengan memasukkan selepas perkataan "perdagangan" perkataan "yang hendaklah menjadi Setiausaha Lembaga;"; dan

(c) dalam perenggan (e) dengan menggantikan perkataan "tiga orang lain" dengan perkataan "tidak lebih daripada enam orang".

*Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan*     5  
(Pindaan)

5. Seksyen 5 Akta ibu adalah dipinda—

**Pindaan**  
seksyen 5.

(a) dengan memasukkan selepas perenggan (a) perenggan yang berikut:

"(aa) Timbalan Pengerusi;"

(b) dalam perenggan (d) dengan memasukkan selepas perkataan "perdagangan" perkataan "yang hendaklah menjadi Setiausaha Lembaga;" dan

(c) dalam perenggan (e) dengan menggantikan perkataan "tiga orang lain" dengan perkataan "tidak lebih daripada enam orang".

6. Seksyen 6 Akta ibu adalah dipinda—

**Pindaan**  
seksyen 6.

(a) dengan memasukkan selepas perenggan (a) perenggan yang berikut:

"(aa) Timbalan Pengerusi;"

(b) dalam perenggan (d) dengan memasukkan selepas perkataan "perdagangan" perkataan "yang hendaklah menjadi Setiausaha Lembaga;" dan

(c) dalam perenggan (e) dengan menggantikan perkataan "tiga orang lain" dengan perkataan "tidak lebih daripada enam orang".

7. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 8 seksyen yang berikut: 8A

"pelantikan 8A. Menteri boleh, melalui pemberitahuan dalam *Pegawai Warta*, melantik mana-mana pegawai dari Lembaga Kementerian Persekutuan yang dipertanggungjawab dengan tanggungjawab bagi perkara-perkara yang berhubungan dengan pelesenan kenderaan

perdagangan untuk menjadi Pegawai Lembaga sebagaimana yang difikirkannya patut.".

Pindaan  
seksyen 11.

8. Seksyen 11 Akta ibu adalah dipinda dalam teks bahasa Inggeris dengan menggantikan perkataan "an officer of the Board" dengan perkataan "a Board Officer".

Pindaan  
seksyen 14.

9. Seksyen 14 Akta ibu adalah dipinda—

(a) dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut:

"(1) Kenderaan perkhidmatan awam hendaklah terbahagi kepada dan dilesenkan di bawah kelas-kelas yang berikut:

(a) bas berhenti-henti;

(b) bas catar;

(c) bas ekspres;

(d) bas mini;

(e) bas pekerja;

(f) bas pengantara;

(g) bas sekolah;

(h) kereta sewa;

(i) kereta sewa dan pandu;

(j) teksi;

(k) teksi lapangan terbang; dan

(l) teksi mewah."; dan

(b) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) subseksyen yang berikut:

"(1A) Walau apa pun subseksyen (1) Menteri boleh membuat kaedah-kaedah bagi maksud menetapkan apa-apa kelas lain kenderaan perkhidmatan awam yang difikirkannya patut.".

*Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 7  
(Pindaan)*

**10.** Seksyen 15 Akta ibu adalah dipinda dengan Pindaan menggantikan subseksyen (2) dengan subseksyen yang Seksyen 15 berikut:

"(2) Selain apa-apa maklumat yang dikehendaki supaya diberikan di bawah Akta ini, pemohon hendaklah memberi Lembaga maklumat yang berikut yang dikehendaki bagi melaksanakan fungsi-fungsinya berhubung dengan permohonan itu:

- (a) maklumat lengkap tentang butir-butir laluan yang berhubung dengan permohonan itu;
- (b) surat kelulusan daripada pihak berkuasa tempatan yang relevan berkenaan dengan penggunaan kemudahan-kemudahan perhentian atau terminal di dalam kawasan pentadbiran pihak berkuasa tempatan tempat laluan itu terletak;
- (c) satu laporan kewajaran bagi laluan itu; dan
- (d) apa-apa maklumat lain sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga."

**11.** Perenggan 17(1)(a) Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan sebelum perkataan "dibatalkan" perkataan "digantikan atau". Pindaan seksyen 17 .

**12.** Seksyen 19 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan seksyen 19.

(a) dalam subseksyen (1)—

(i) dalam perenggan (a)—

(A) dalam teks bahasa kebangsaan dalam subperenggan (ii) dan (iii) dengan menggantikan perkataan "jalan-arah" dengan perkataan "laluan";

(B) dalam subperenggan (iv) dengan memotong perkataan "dan dalam hal bas persiaran sekali dengan jadual perjalanan"; dan

- (C) dengan memasukkan selepas subperenggan (vii) subperenggan yang berikut:
- "(viii) bahawa kenderaan dibenarkan itu dilengkapi dengan mesin tiket atau kelengkapan yang menggunakan teknologi terbaru sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga;"
- (ii) dengan memotong perenggan (*d*); dan
- (iii) dalam perenggan (*e*)—
- (A) dengan menggantikan noktah di hujung subperenggan (v) dengan koma bernoktah; dan
- (B) dengan memasukkan selepas subperenggan (v) subperenggan yang berikut:
- "(vi) bahawa kenderaan dibenarkan itu disimpan di tempat yang ditetapkan.";
- (b) dalam subseksyen (3) dengan menggantikan perkataan "tidak melebihi lima" dengan perkataan "tidak kurang daripada satu ribu ringgit tetapi tidak melebihi sepuluh"; dan
- (c) dengan memasukkan selepas subseksyen (3) subseksyen yang berikut:
- "(4) Dalam hal kenderaan yang digunakan untuk pengangkutan barangan dan yang berkenaan dengannya suatu lesen di bawah Akta ini telah dikeluarkan, pemegang lesen atau mana-mana orang yang menyebabkan atau membenarkan kenderaan yang berkenaan digunakan oleh mana-mana orang adalah, sekiranya orang yang menggunakan kenderaan itu gagal mematuhi mana-mana syarat yang dikenakan pada lesen itu di bawah seksyen

*Lembaga Pelesenan Kendaraan Perdagangan* 9  
(Pindaan)

ini, melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak kurang daripada seribu ringgit tetapi tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya."

13. Subseksyen 20(2) Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "tidak melebihi lima" dengan perkataan "tidak kurang daripada satu ribu ringgit tetapi tidak melebihi sepuluh".

Pindaan  
seksyen 20 -

14. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 20 seksyen yang berikut:20A

“Permohonan bagi kelulusan untuk mengambil bahagian dalam perniagaan atau perjanjian.

20A. (1) Jika pemegang lesen yang merupakan suatu syarikat atau suatu perkongsian atau suatu firma bercadang untuk mengambil bahagian dalam apa-apa perniagaan atau perjanjian yang akan menyebabkan—

(a) apa-apa perubahan dalam struktur ekuiti; atau

(b) apa-apa perubahan anggota Lembaga Pengarah,

syarikat, perkongsian atau firma itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, pemegang lesen itu hendaklah memperoleh kelulusan daripada Lembaga sebelum mengambil bahagian dalam perniagaan atau perjanjian itu.

(2) Lembaga boleh, apabila diterima permohonan di bawah subseksyen (1), meluluskan atau menolak permohonan itu dan, jika Lembaga meluluskan permohonan itu, Lembaga boleh mengenakan apa-apa syarat yang difikirkannya patut.

(3) Pemegang lesen yang gagal mematuhi seksyen ini adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak

kurang daripada satu ribu ringgit tetapi tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya."

Seksyen baru  
21A.

**15.** Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 21 seksyen yang berikut:

"Dokumen yang dikehendaki untuk memperbaharui lesen. 21A. (1) Selain mana-mana dokumen lain yang dikehendaki di bawah Akta ini, suatu permohonan untuk memperbaharui sesuatu lesen hendaklah disertakan dengan dokumen yang berikut:

- (a) penyata kewangan teraudit pemohon; dan
- (b) laporan prestasi tahun sebelumnya berhubung dengan—
  - (i) jumlah bilangan penumpang yang dibawa;
  - (ii) jumlah bilangan perbatuan operasi dan hasil;
  - (iii) jumlah sebenar bilangan perjalanan yang dikendalikan dan dijadualkan; dan
  - (iv) anggaran bilangan kenderaan yang diperlukan untuk memberikan perkhidmatan yang cekap bagi laluan tertentu.

(2) Walau apa pun subseksyen (1) Lembaga boleh menghendaki supaya apa-apa dokumen tambahan dikemukakan oleh pemohon bagi memperbaharui lesen."

Seksyen baru  
25A dan 25B.

**16.** Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 25 seksyen yang berikut:

"Larangan 25A. (1) Pemegang sesuatu lesen yang hubungannya telah digantung di bawah seksyen 25 u dengan lesen yang digantung. tidak boleh, dalam tempoh penggantungan itu,

*Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 11*  
*(Pindaan)*

menggunakan, menyebabkan atau membenarkan penggunaan sesuatu kenderaan yang berkaitan dengan lesen itu.

(2) Mana-mana pemegang lesen yang menggunakan, menyebabkan atau membenarkan penggunaan sesuatu kenderaan semasa lesen berkenaan dengan kenderaan itu telah digantung di bawah seksyen 25 adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak kurang daripada satu ribu ringgit tetapi tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

**Kuasa  
Lembaga  
untuk  
meng-  
gantikan  
lesen.**

25B. (1) Lembaga hendaklah, pada menjalankan kuasa budi bicaranya, mempunyai kuasa untuk menggantikan sesuatu lesen dengan sesuatu lesen daripada kelas yang berlainan atau bagi berat dengan muatan atau muatan duduk maksimum dibenarkan atau jenis yang berlainan jika Lembaga berpuas hati bahawa terdapat keperluan untuk membawa barangan yang berlainan daripada kelas lesen yang telah diberikan di bawah Akta ini bagi maksud—

- (a) menyusun semula atau menyatukan perkhidmatan yang disediakan oleh pemegang-pemegang lesen daripada kelas yang berlainan; atau
- (b) menyusun semula atau menyatukan perkhidmatan yang disediakan oleh pemegang lesen daripada kelas yang sama.

(2) Sebelum menggantikan sesuatu lesen di bawah subseksyen (1) Lembaga hendaklah mengeluarkan notis bertulis tidak kurang daripada satu tahun sebelum tarikh penggantian

yang dicadangkan itu kepada pemegang lesen dengan menyatakan hasrat Lembaga untuk menggantikan lesen itu.

(3) Suatu lesen yang menggantikan mana-mana lesen di bawah subseksyen (1) hendaklah berkuat kuasa dari tarikh penggantian itu.

(4) Apabila lesen gantian mula berkuat kuasa, lesen yang telah digantikan di bawah subseksyen (1) adalah terbatal dan hendaklah diserahkan kepada Lembaga."

Pindaan  
seksyen 29.

17. Subseksyen 29(1) Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "Lembaga itu" dengan perkataan "Lembaga selepas menimbangkan alasan bertulis keputusan itu sebagaimana yang dikemukakan oleh Lembaga kepadanya".

Pindaan  
seksyen 33.

18. Seksyen 33 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "tidak melebihi lima" dengan perkataan "tidak kurang daripada satu ribu ringgit tetapi tidak melebihi sepuluh".

Pindaan  
seksyen 34.

19. Subseksyen 34(1) Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "tidak melebihi lima" dengan perkataan "tidak kurang daripada satu ribu ringgit tetapi tidak melebihi sepuluh".

Pindaan  
seksyen 35.

20. Seksyen 35 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "tidak melebihi lima" dengan perkataan "tidak kurang daripada satu ribu ringgit tetapi tidak melebihi sepuluh".

Pindaan  
seksyen 3.

21. Subseksyen 36(2) Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "tidak melebihi dua" dengan perkataan "tidak kurang daripada satu ribu ringgit tetapi tidak melebihi sepuluh".

*Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 13*  
(Pindaan)

22. Subseksyen 37(2) Akta ibu adalah dipinda dengan Pindaan seksyen 37.  
menggantikan perkataan "tidak melebihi dua" dengan perkataan "tidak kurang daripada satu ribu ringgit tetapi tidak melebihi sepuluh".
23. Subseksyen 38(2) Akta ibu adalah dipinda dengan Pindaan seksyen 38.  
menggantikan perkataan "tidak melebihi dua" dengan perkataan "tidak kurang daripada satu ribu ringgit tetapi tidak melebihi sepuluh".
24. Subseksyen 39(3) Akta ibu adalah dipinda dengan Pindaan seksyen 39.  
menggantikan perkataan "tidak melebihi lima" dengan perkataan "tidak kurang daripada satu ribu ringgit tetapi tidak melebihi sepuluh".
25. Seksyen 40 Akta ibu adalah dipinda— Pindaan seksyen 40.
- (a) dalam teks bahasa Inggeris, dalam subseksyen (3) dengan menggantikan perkataan "an officer of the Board" dengan perkataan "a Board Officer"; dan
  - (b) dalam subseksyen (4) dengan menggantikan perkataan "tidak melebihi dua" dengan perkataan "tidak kurang daripada satu ribu ringgit tetapi tidak melebihi sepuluh".
26. Seksyen 42 Akta ibu adalah dipinda— Pindaan seksyen 42.
- (a) dalam subseksyen (1) dengan menggantikan perkataan "tidak melebihi lima" dengan perkataan "tidak kurang daripada satu ribu ringgit tetapi tidak melebihi sepuluh";
  - (b) dalam subseksyen (3) dengan menggantikan perkataan "tidak melebihi lima" dengan perkataan "tidak kurang daripada satu ribu ringgit tetapi tidak melebihi sepuluh".
27. Subseksyen 44A(2) Akta ibu adalah dipinda dengan Pindaan seksyen 44A.  
menggantikan perkataan "tidak melebihi lima" dengan perkataan "tidak kurang daripada satu ribu ringgit tetapi tidak melebihi sepuluh".

Seksyen  
baru 44B  
dan 44c.

28. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 44A seksyen yang berikut:

“**Kuasa Pegawai Lembaga untuk menyiasat, dsb.** 44B. Seseorang Pegawai Lembaga adalah mempunyai kuasa untuk menyiasat atau mendapatkan apa-apa maklumat, sama ada secara lisan atau bertulis, daripada mana-mana orang yang disangkakan tahu akan fakta-fakta dan hal keadaan berhubungan dengan pelakuan sesuatu kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis lain atau pelanggaran mana-mana syarat yang dikenakan pada sesuatu lesen.

**Kuasa untuk menyita dokumen, dsb.** 44c. (1) Jika mana-mana pegawai polis atau pegawai pengangkutan jalan atau Pegawai Lembaga mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa dokumen yang dibawa di atas sesuatu kenderaan, atau apa-apa lesen, rekod atau dokumen lain yang dikemukakan kepadanya menurut Akta ini oleh pemandu atau orang yang menjaga sesuatu kenderaan adalah dokumen, lesen atau rekod yang berhubungan dengannya suatu kesalahan di bawah Akta ini telah dilakukan, dia boleh menyita atau menanggalkan dokumen, lesen atau rekod atau dokumen itu dari kenderaan itu.

(2) Jika lesen yang disita di bawah subseksyen (1) ialah lesen yang telah digantung di bawah seksyen 25, lesen itu hendaklah dikembalikan kepada pemegang lesen apabila tamat tempoh pengantungan.”.

Seksyen baru  
48A.

29. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 48 seksyen yang berikut:

“**Kesalahan dan penalti am.** 48A. (1) Mana-mana orang yang—  
(a) tanpa alasan yang munasabah, yang bukti mengenainya terletak pada orang itu, enggan atau gagal melakukan apa-apa yang dia dikehendaki melakukannya di bawah Akta ini;

*Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 15.*  
*(Pindaan)*

(b) tanpa alasan yang munasabah, yang bukti mengenainya terletak pada orang itu, gagal mematuhi kehendak-kehendak apa-apa notis yang disampaikan kepadanya di bawah Akta ini; atau

(c) tanpa alasan yang munasabah, yang bukti mengenainya terletak pada orang itu, melanggar atau gagal mematuhi mana-mana peruntukan Akta ini,

adalah melakukan suatu kesalahan.

(2) Mana-mana orang yang melakukan kesalahan di bawah Akta ini boleh, jika tiada apa-apa penalti khas diperuntukkan, dalam hal sabitan yang pertama didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga bulan dan, dalam hal sabitan kali kedua atau kali kemudian, boleh didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya."

30. Seksyen 51 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan  
seksyen 51.

(a) dalam subseksyen (1) dengan menggantikan perkataan "seksyen 33 atau 34" dengan perkataan "subseksyen (3) seksyen 19, subseksyen(1)(b) seksyen 20, seksyen 33 atau seksyen 34"; dan

(b) dalam subseksyen (3) dengan menggantikan perkataan "seksyen 33 atau 34" perkataan "subseksyen (3) seksyen 19, subseksyen (1)(b) seksyen 20, seksyen 33 atau seksyen 34".

31. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen baru seksyen 51 seksyen yang berikut:51Adan51B

"penahanan kenderaan. 51A. (1) Jika mana-mana pegawai polis berpakaian seragam atau pegawai pengangkutan jalan berpakaian seragam atau Pegawai Lembaga mempunyai sebab yang munasabah untuk

mempercayai bahawa peruntukan-peruntukan Akta ini tidak dipatuhi berkenaan dengan mana-mana kenderaan motor, dia boleh menghendaki kenderaan itu diberhentikan dan boleh menghendaki pemandu kenderaan itu memandunya ke suatu tempat lain, dan kenderaan itu boleh, jika perlu, ditahan oleh mana-mana pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada sarjan atau mana-mana pegawai polis yang menjaga sesuatu balai polis bagi maksud pemeriksaan oleh seorang pegawai polis atau oleh pegawai pengangkutan jalan bagi maksud menentukan sama ada peruntukan-peruntukan Akta ini telah dipatuhi.

(2) Tiada kenderaan motor boleh ditahan di bawah seksyen ini selama tempoh yang melebihi empat puluh lapan jam.

Penentuan  
berat  
kenderaan.

51 B. (1) Adalah sah di sisi undang-undang bagi mana-mana pegawai polis yang diberi kuasa secara bertulis bagi maksud itu oleh Ketua Pegawai Polis, atau mana-mana pegawai pengangkutan jalan yang diberi kuasa secara bertulis bagi maksud itu oleh Ketua Pengarah, atau mana-mana Pegawai Lembaga untuk menghendaki orang yang menjaga mana-mana kenderaan motor supaya membenarkan kenderaan motor itu ditimbang oleh pegawai itu, sama ada dengan muatan atau tanpa muatan, dan untuk menguji berat yang dipindahkan ke jalan oleh mana-mana bahagian kenderaan motor itu yang bersentuhan dengan jalan, dan bagi maksud itu, boleh dengan serta-merta menimbang kenderaan motor itu.

(2) Apabila diminta oleh orang yang menjaga kenderaan motor itu, pegawai yang diberi kuasa itu hendaklah, setelah selesai penimbangan kenderaan itu, mengeluarkan pendua atau salinan perakuan berkenaan dengan penimbangan itu kepada orang itu.

*Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 17*  
*(Pindaan)*

(3) Mana-mana orang yang menjaga mana-mana kenderaan motor yang enggan atau gagal mematuhi kehendak di bawah subseksyen (1), atau mengalihkan muatannya atau mana-mana bahagiannya sebelum kenderaan motor itu ditimbang dengan sewajarnya, adalah melakukan suatu kesalahan.

(4) Adalah tidak sah di sisi undang-undang bagi mana-mana pegawai yang diberi kuasa untuk menghendaki orang yang menjaga kenderaan motor itu supaya memunggah muatan kenderaan motor itu bagi maksud menimbanginya tanpa muatan."

**32.** Seksyen 54 Akta ibu adalah dipinda dalam teks bahasa kebangsaan dengan menggantikan perkataan "jalan-arab" di mana-mana jua terdapat dengan perkataan "laluan".

Pindaan  
seksyen 54

---

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987 ("Akta").

2. *Fasal 1* memperkatakan hal-hal permulaan.
3. *Fasal 2* bertujuan mengecualikan kenderaan tertentu daripada ruang lingkup Akta.
4. *Fasal 3* bertujuan meminda seksyen 2 untuk meminda beberapa takrif tertentu dan memasukkan takrif baru bagi perkataan tertentu yang digunakan dalam Akta.
5. *Fasal 4, 5 dan 6* bertujuan meminda seksyen 4, 5 dan 6 Akta untuk menambah keanggotaan Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Semenanjung Malaysia, Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sabah dan Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sarawak.
6. *Fasal 7* bertujuan memasukkan seksyen baru 8A ke dalam Akta bagi mengadakan peruntukan mengenai kuasa Menteri untuk melantik Pegawai Lembaga melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

## *Rang Undang-Undang*

1. *Fasal 8* bertujuan meminda seksyen 11 teks bahasa Inggeris dengan menggantikan perkataan "an officer of the Board" dengan perkataan "Board Officer".

8. *Fasal 9* bertujuan meminda subseksyen 14(1) Akta supaya kelas kenderaan perkhidmatan awam yang disenaraikan dalam subseksyen itu mencerminkan jenis kenderaan perdagangan yang digunakan ketika ini. *Fasal* ini juga bertujuan memasukkan subseksyen baru 14(1A) untuk memberi Menteri kuasa untuk menetapkan apa-apa kelas lain kenderaan perkhidmatan awam melalui kaedah-kaedah.

9. *Fasal 10* bertujuan meminda subseksyen 15(2) Akta bagi mengadakan peruntukan mengenai maklumat yang dikehendaki supaya diberikan oleh pemohon kepada Lembaga dalam permohonan untuk mendapatkan lesen.

10. *Fasal 12* bertujuan meminda seksyen 19 Akta. *Perenggan 12(a)* bertujuan, antara lain, untuk memasukkan subperenggan baru (viii) ke dalam perenggan 19(1)(a) untuk menambah syarat yang boleh dikenakan oleh Lembaga ke atas sesuatu lesen kenderaan perkhidmatan awam, iaitu, pemasangan mesin tiket pada kenderaan dibenarkan bagi memenuhi objektif Kerajaan untuk melaksanakan sistem bersepadu bagi semua kategori pengangkutan awam. *Perenggan 12(a)* juga bertujuan memotong perenggan (d) dan memasukkan subperenggan baru (vi) ke dalam perenggan 19(1)(e) untuk menambah syarat yang boleh dikenakan oleh Lembaga ke atas sesuatu lesen, iaitu mengenai penyimpanan kenderaan di tempat yang ditetapkan.

*Perenggan 12(b)* bertujuan meminda subseksyen 19(3) untuk menambah jumlah denda bagi kesalahan di bawah seksyen itu.

*Perenggan 12(c)* bertujuan memasukkan subseksyen baru (4) ke dalam seksyen 19. Subseksyen baru (4) yang dicadangkan memperuntukkan bahawa suatu kesalahan dilakukan oleh pemegang lesen jika kenderaan berlesen digunakan oleh mana-mana orang dan orang itu gagal untuk mematuhi syarat lesen.

11. *Fasal 13* bertujuan meminda subseksyen 20(2) untuk menambah denda bagi kesalahan di bawah seksyen itu.

12. *Fasal 14* bertujuan memasukkan seksyen baru 20A ke dalam Akta bagi memperuntukkan bahawa jika pemegang lesen yang merupakan suatu syarikat, perkongsian atau firma bercadang untuk mengambil bahagian dalam apa-apa perniagaan atau perjanjian yang mengubah struktur ekuiti syarikat, perkongsian atau firma itu atau anggota Lembaga Pengarah syarikat, perkongsian atau firma itu, kelulusan Lembaga hendaklah diperoleh terlebih dahulu.

13. *Fasal 15* bertujuan memasukkan seksyen baru 21A ke dalam Akta bagi mengadakan peruntukan mengenai dokumen yang diperlukan

## *Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (Pindaan)*

dalam permohonan bagi pembaharuan lesen untuk membolehkan Lembaga memantau pengendalian pemegang lesen.

14. *Fasal 16* bertujuan memasukkan seksyen baru 25A dan 25B ke dalam Akta. Seksyen 25A menghalang penggunaan kenderaan jika lesen berkenaan dengan kenderaan itu telah digantung. Seksyen baru 25B memberi Lembaga kuasa untuk menggantikan sesuatu kelas lesen jika perlu.

15. *Fasal 17* bertujuan meminda subseksyen 29(1) Akta bagi mengadakan peruntukan mengenai kuasa Menteri untuk mengesahkan, mengakaskan atau mengubah keputusan Lembaga selepas menimbang alasan Lembaga bagi keputusan itu.

16. *Fasal 18, 19, 20, 21, 22, 23, 24, 25, 26 dan 27* masing-masing bertujuan meminda seksyen dan subseksyen 33, 34(1), 35, 36(2), 37(2), 38(2), 39(3), 40(4), 42 dan 44A(2) bagi mengubah denda bagi kesalahan yang dilakukan di bawah seksyen dan subseksyen itu.

17. *Fasal 28* bertujuan memasukkan seksyen baru 44B dan 44c ke dalam Akta. Seksyen baru 44B memberi Pegawai Lembaga kuasa untuk menyiasat atau menghendaki apa-apa maklumat sama ada secara lisan atau bertulis daripada mana-mana orang yang dipercayai tahu fakta-fakta dan hal keadaan berhubungan dengan pelakuan sesuatu kesalahan di bawah Akta atau mana-mana undang-undang bertulis lain atau pelanggaran mana-mana syarat lesen. Seksyen baru 44c memberi pegawai polis, pegawai pengangkutan jalan atau Pegawai Lembaga kuasa untuk menyita dokumen.

18. *Fasal 29* bertujuan memasukkan seksyen baru 48A ke dalam Akta bagi mengadakan peruntukan mengenai kesalahan dan penalti am.

19. *Fasal 30* bertujuan meminda subseksyen 51(1) dan 51(3) Akta untuk memberi pegawai pengangkutan jalan atau pegawai polis kuasa untuk menyita kenderaan motor bagi kesalahan di bawah subseksyen 19(3) yang berhubungan dengan pelanggaran syarat yang dikenakan pada lesen dan perenggan 20(1)(b) yang berhubungan dengan pelanggaran peruntukan mana-mana undang-undang bertulis berkenaan dengan kenderaan itu sehingga selesai siasatan.

20. *Fasal 31* bertujuan memasukkan seksyen baru 51A dan 51B ke dalam Akta. Seksyen baru 51A bertujuan memberi pegawai polis atau pegawai pengangkutan jalan kuasa untuk menahan kenderaan yang dipercayai telah melakukan kesalahan di bawah Akta bagi maksud penyiasatan. Seksyen baru 51B bertujuan memberi pegawai polis atau pegawai pengangkutan jalan kuasa untuk menahan sesuatu kenderaan bagi maksud menimbang kenderaan itu untuk menentukan beratnya dengan muatan atau tanpa muatan.

21. Pindaan lain yang tidak disebut secara khusus adalah pindaan yang kecil atau berbangkit sahaja.

*IMPLIKASI KEWANGAN*

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya belum dapat ditentukan sekarang ini. [PN. (U<sup>2</sup>) 1798A.]